

24/06/2001

Ahli mesti patuh arahan Presiden

YANG Amat Berbahagia, Tun Pengerusi Tetap, Yang Berbahagia Timbalan Pengerusi Tetap, Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden, Ahli Majlis Tertinggi, para perwakian, pemerhati dari Kelab Umno Luar Negara, pemerhati daripada Puteri, pemerhati yang lain, seterusnya hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Yang pertamanya saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih dan tahniah kepada jurucakap daripada negeri yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Ada pihak yang berkata persidangan pada tahun ini nampaknya kurang bersemangat, kononnya tidak begitu ghairah berbanding dengan tahun-tahun lepas.

Memanglah kalau dipandang daripada satu sudut iaitu kalau kita pandang dari sudut mengecam parti sendiri tahun ini memang sunyi sedikit, tetapi kalau kita ambil kira kecaman terhadap orang yang patut dikecam iaitu musuh parti kita, tahun ini ucapannya amat bersemangat.

Dan saya ucap tahniah kepada semua terutama yang bercakap di bawah perbahasan berkenaan tajuk agama dan juga saya kagum dengan mereka yang begitu fasih dengan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, Arab dan bahasa Inggeris.

Saya ingin memberi amaran kepada mereka yang berminat menjadi pemimpin Umno akan pentingnya menguasai tiga bahasa ini kerana kita tahu tokoh Islam di zaman silam seperti Ibnu Sina, Al Khawarizmi dan lain-lain, mereka adalah pakar dalam berbagai-bagai bidang matematik, astronomi, dalam bidang perubatan di masa sama mereka juga cekap dalam bidang agama, dengan itu apa yang diperkatakan oleh mereka lebih mudah diterima oleh penganut Islam.

Saya sendiri agak lewat tetapi cuba juga belajar sedikit sebanyak untuk mengetahui setakat mana Pas sanggup bohong, dan saya dapati kebanyakan daripada apa yang disarankan oleh Pas memang pun fitnah dan pembohongan.

Saya juga ingin memohon maaf kepada semua ahli Umno, wakil Umno kerana ego saya. Saya kata ego saya kerana apabila disebut tentang Presiden yang disayangi, saya kata tak payahlah puji-puji Presiden.

Sebenarnya yang dipuji bukan Dr Mahathir tetapi Presiden Umno. Presiden Umno perlu dipuji dan perlu ditaati. Mungkin yang kedua itu lebih penting lagi, taat kepada Presiden, kerana bila kita taat kepada Presiden dan kita patuh akanarahannya maka segala-galanya akan selamat melainkan kalau kita pilih Presiden kerana kita dapat sogokan seperti yang disebutkan tadi.

Sebab itu amat penting sekali jangan pilih pemimpin yang menghulur derma kepada kita. Dengan itu kita dapat tentukan Presiden kita akan terdiri daripada satu orang yang boleh kita taati kepadanya. Taat kepada presiden ini adalah penting kerana saya amat tertarik dengan ucapan wakil daripada Kelantan.

Wakil daripada Kelantan berkata, wakil berpeluang memilih hanya tiga tahun sekali tetapi Presiden boleh pilih hari-hari, dan memang benar, memang benar dan dia tentu tahu benar-benar berkenaan dengan perkara ini apabila dia kalah bertanding untuk menjadi ahli Majlis Tertinggi, saya pilih dia sebagai ahli Majlis Tertinggi yang dilantik. Apabila dia kalah dalam pilihan raya, saya lantik dia menjadi ahli Dewan Senat.

Dari Dewan Senat dia naik jadi Setiausaha Parlimen, lepas itu cuma dua bulan aje, lepas itu dilantik menjadi Timbalan Menteri. Itu adalah kuasa Perdana Menteri yang juga Presiden parti dan baginya tentulah pilihan ini

tepat, cukup baik, cukup baik tetapi yang dia tak tahu apabila saya pilih dia, banyak orang komplek.